



**26 JULAI 2018
UNTUK SIARAN SEGERA**

PUKUK KESEDARAN KESELAMATAN SIBER MELALUI WACANA ICT DI KALANGAN MURID SEKOLAH

KOTA BHARU, KELANTAN (26 Julai 2018) - CyberSecurity Malaysia pada tahun ini meneruskan penganjuran acara tahunan iaitu, Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan – Piala Cabaran CyberSAFE (NICTSeD) dan buat julung kalinya juga memperkenalkan satu pertandingan baharu iaitu Cabaran Keselamatan Siber Nasional (CAKNA) 2018.

Kedua-dua pertandingan ini merupakan program kerjasama antara CyberSecurity Malaysia dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tahun 2018 merupakan penganjuran NICTSeD edisi ke-enam dalam Bahasa Inggeris manakala CAKNA merupakan penganjuran edisi pertama dalam Bahasa Melayu.

“Tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi memupuk serta menggalakkan pemikiran kreatif dan kritikal dalam kalangan murid sekolah menengah di seluruh Malaysia terutama mengenai isu-isu semasa berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), keselamatan siber dan juga penggunaan Internet secara positif. Selain itu, pertandingan ini turut menyemai keyakinan diri melalui pengucapan awam, kemahiran *interpersonal* dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)” jelas YBhg. Tuan Haji Zaidi Yazid, Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Menurut Tuan Haji Zaidi, pertandingan CAKNA 2018 yang diadakan buat kali pertama dalam Bahasa Melayu adalah bagi menyebarluas kepentingan ilmu keselamatan siber serta memperkasa penggunaan terma dan istilah TMK dalam kalangan murid sekolah. “Adalah diharapkan agar murid sekolah dapat menanam minat dalam bidang keselamatan siber dan menjadikan bidang ini sebagai satu kerjaya mereka” jelas beliau lagi.



NICTSeD yang berlangsung dalam Bahasa Inggeris bermula pada tahun 2013 menggunakan format perdebatan. Pada 2014 format pertandingan ini ditukar menggunakan platform wacana. Melalui format wacana, para peserta dikehendaki membuat pembentangan kertas cadangan berdasarkan tajuk-tajuk yang berkaitan keselamatan siber semasa.

“Pertandingan ini memperlihatkan tahap persaingan yang tinggi dalam kalangan murid sekolah. Mereka perlu membuat penyelidikan, analisa perbandingan dan pemahaman mengenai isu-isu keselamatan siber seperti etika penggunaan media sosial, ketagihan Internet dan juga isu-isu ancaman siber semasa. Ini juga merupakan salah satu inisiatif di bawah program ‘CYBERSAFE In School’ kami dalam usaha meningkatkan kesedaran keselamatan siber dalam kalangan murid sekolah di seluruh Malaysia” ujar Dr. Zahri Yunos, Ketua Pegawai Operasi, CyberSecurity Malaysia.

Pada pertandingan ini, para peserta juga perlu menjawab soalan-soalan dari Panel Pakar yang dilantik sebagai Juri. Panel Pakar mengadili, menilai serta meneliti setiap sesi pembentangan dari segi isi kandungan dan fakta, kesiapsiagaan setiap pasukan, kerjasama antara peserta serta kemahiran pembentangan.

Pada tahun ini, NICTSeD menerima penyertaan awal daripada 160 buah sekolah menengah dari seluruh Malaysia. Setelah penilaian dibuat di peringkat negeri, sebanyak 16 buah sekolah telah berjaya ke peringkat Kebangsaan mewakili negeri masing-masing. Seramai 80 orang murid sekolah menengah dari seluruh Malaysia terlibat dalam kedua-dua pertandingan pada tahun ini.

Pada pertandingan peringkat separuh akhir NICTSeD 2018, SMJK Jit Sin mewakili negeri Pulau Pinang dan SMK Abd Rahman Talib dari negeri Pahang telah berjaya mengorak langkah ke pertandingan akhir yang akan diadakan pada 27 September 2018 sempena Persidangan Keselamatan Siber Malaysia – Anugerah, Persidangan and Pameran 2018 (CSM-ACE 2018) anjuran CyberSecurity Malaysia. Manakala juara CAKNA 2018 ialah Rafieq Rafizie Nur Sha S Roslee dari SMK Labuan.

NICTSeD 2018 mendapat sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), DiGi Telecommunications, BAE Systems, Symantec dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

~ Tamat ~

For additional information, visit our website at <http://www.cybersecurity.my> and for general inquiry, email to info@cybersecurity.my.

Stay connected with us on social networks: facebook/ CyberSecurityMalaysia, twitter/cybersecuritymy, youtube/cybersecuritymy, instagram/CyberSecurity_Malaysia.

For further enquiries about this document, please email: media@cybersecurity.my or call +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945)